

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT  
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN UNTUK MENAWARKAN PELANJUTAN  
PERKHIDMATAN UNTUK PEGAWAI PERUBATAN / PERGIGIAN  
LANTIKAN KONTRAK – CADANGAN MEMANTAPKAN SKIM  
KERJAYA**

**1.0 TUJUAN**

1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan untuk menawarkan pelanjutan tempoh perkhidmatan kepada pegawai perubatan / pergigian lantikan kontrak di dalam Perkhidmatan Kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Sejak 2016, pegawai perubatan / pergigian siswazah telahpun dilantik secara kontrak dan seterusnya pada tahun 2018, kumpulan tersebut telahpun disambung kontrak untuk 2 tahun sebagai pegawai perubatan / pergigian. Dengan lantikan tersebut, kumpulan ini merupakan kumpulan lantikan kontrak terbesar dalam perkhidmatan awam.

- 2.2 Lantikan secara kontrak ini pada asasnya dijalankan kerana kekangan jawatan yang sedia ada serta untuk mempercepatkan lantikan pegawai perubatan / pergigian siswazah ke dalam perkhidmatan awam. Semasa pelaksanaan lantikan kontrak tersebut, adalah diharapkan yang majoriti daripada lantikan tersebut dapat ditawarkan lantikan tetap setelah jangkaan kontrak tamat.
- 2.3 Namun begitu, menurut kaji selidik kami daripada Persatuan Perubatan Malaysia, hanya 10-15% daripada jumlah kesuluruhan pegawai perubatan / pergigian lantikan kontrak yang layak telahpun ditawarkan lantikan tetap. Daripada jumlah tersebut, kebanyakan daripada lantikan tetap tersebut adalah daripada kumpulan pertama pegawai perubatan / pegawai pergigian siswazah lantikan kontrak, dan kumpulan selebihnya telah pun dikecualikan.
- 2.4 Ketidakseimbangan tawaran lantikan tetap telahpun menyebabkan ramai pegawai perubatan / pergigian yang berkaliber tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran dan latihan sebagai pakar perubatan. Untuk pengetahuan, latihan kepakaran perubatan / klinikal hanya dapat dijalankan dalam perkhidmatan kerajaan kerana hampir semua pusat latihan merupakan facilities kerajaan. Ada dalam kalangan pegawai perubatan / pergigian tersebut atas inisiatif sendiri mengambil langkah pertama untuk latihan kepakaran dengan mengambil peperiksaan kemasukan untuk latihan kepakaran.

### **3.0 ASAS PERTIMBANGAN**

3.1 Unjuran terbaru Kementerian Kesihatan menunjukkan yang negara kita masih kekurangan hampir 7000 pakar perubatan pelbagai bidang pada tahun 2020, dan memerlukan 18000 pakar perubatan pada tahun 2030.

3.2 Sehingga tahun 2018, perkhidmatan hospital kerajaan adalah seperti berikut

3.2.1 Hospital Besar Rujukan (Tertiary Care) – 37 buah hospital

3.2.2 Hospital Separa pakar (Secondary Care) – 22 buah hospital

3.2.3 Hospital tanpa Pakar (Secondary Care) – 76 buah hospital

3.2.4 Klinik Kesihatan (Primary care) – 1090 klinik

Ternyata daripada data di atas, terdapat suatu jurang yang luas untuk diatasi oleh perkhidmatan kesihatan demi memastikan rakyat Malaysia di kawasan daerah kecil dan pedalaman mendapat akses kepada perkhidmatan perubatan pakar.

3.3 Di samping itu klinik-klinik kesihatan primer (primary care) juga memerlukan Pakar-Pakar Perubatan Keluarga, dan di peringkat daerah, negeri dan ibupejabat sendiri memerlukan paka-pakar perubatan Kesihatan Awam untuk melaksanakan tugas 'clinical governance' dan dalam aspek pencegahan penyakit.

3.4 Sistem hospital kluster telahpun dimulakan untuk mengurangkan jurang tersebut namun, kaedah ini

masih juga bergantung kepada ketersediaan pakar perubatan yang mencukupi.

- 3.5 Daripada hampir 4500 pegawai perubatan baru, hanya 500-600 sahaja ditawarkan lantikan tetap. Dengan skim kerjaya sekarang, hanya pegawai perubatan lantikan tetap layak menerima cuti belajar bergaji penuh dan hadiah latihan persekutuan untuk mengikuti latihan kepakaran.
- 3.6 Sekiranya skim kerjaya untuk pegawai perubatan lantikan kontrak tidak diperbaiki, negara akan terus mengalami kekurangan pakar perubatan / pergigian dan pegawai perubatan / pergigian. Kekurangan tersebut akan melambatkan pelaksanaan "Universal Health Coverage" dan mengakibatkan kekurangan aksesibiliti kepada perkhidmatan pakar perubatan demi kesihatan dan kesejahteraan rakyat.
- 3.7 Pihak pekerja mencadangkan 2 skim kerjaya seperti di lampiran 1 bersama dengan keterangan selanjutnya. Skim kerjaya yang dicadangkan mengambil kaedah pengambilan pegawai oleh Angkatan Tentera Malaysia, iaitu penganugerahan tauliah jangka pendek dan tauliah tetap dengan syarat-syarat ikatan sambung perkhidmatan tertentu.

## **4.0 IMPLIKASI KEWANGAN**

4.1 Implikasi kewangan kepada kerajaan adalah agak tinggi, bergantung kepada skim kerjaya yang dipilih. Namun, pulangan manfaat yang diperolehi daripada penambahbaikan kesihatan rakyat mengatasi implikasi kewangan yang diperlukan.

## **5.0 KESIMPULAN**

5.1 Permohonan untuk pertimbangan Kerajaan untuk menawarkan pelanjutan tempoh perkhidmatan kepada pegawai perubatan / pergigian lantikan kontrak di dalam Perkhidmatan Kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan adalah sangat diperlukan dan dijalankan dengan kadar segera.

## **6.0 SYOR**

6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurusan dan Professional dimohon untuk menimbangkan permohonan untuk menawarkan pelanjutan tempoh perkhidmatan kepada pegawai perubatan / pergigian lantikan kontrak di dalam Perkhidmatan Kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan.

## Lampiran 1

### Lampiran 1

#### Cadangan Umum

- Cadangan ini adalah untuk pegawai perubatan / pergigian yang telahpun lulus peperiksaan kemasukan dan layak untuk meneruskan latihan kepakaran (sarjana ataupun "parallel pathway").
- Terma naik pangkat adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan yang sedia ada
- Ikat jamin perkhidmatan selama 5 tahun untuk sarjana perubatan / parallel pathway.

Cadangan	Kebaikan dan keburukan	Keperluan perubahan dasar
<p><b>Cadangan Pertama</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan menawarkan lantikan TETAP dengan KWSP (tanpa opsyen berpencen) kepada pegawai perubatan / pergigian yang layak berdaftar untuk meneruskan latihan kepakaran</li> <li>• Lantikan adalah selama 10 tahun untuk melengkapkan latihan kepakaran serta perwartaan.</li> <li>• Tawaran lantikan ini tertakluk juga kepada pegawai yang berjaya mendapat tempat dan melengkapkan ijazah sarjana yang dipersetujui</li> <li>• Lantikan akan diperbaharui apabila perwartaan pakar dilengkapkan dengan lantikan sebagai pegawai perubatan pakar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjimatan dari segi pembayaran pencen untuk jangka masa panjang</li> <li>• Penjimatan dari segi caruman PERKESO dan ganjaran tamat kontrak</li> <li>• Layak cuti belajar bergaji penuh dan hadiah latihan persekutuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Opsyen berpencen perlu dikeluarkan daripada terma syarat lantikan</li> </ul>

## Lampiran 1 (Sambungan)

Cadangan	Kebaikan dan keburukan	Keperluan perubahan dasar
<p><b>Cadangan Kedua</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan menawarkan lantikan KONTRAK UD47/48 kepada pegawai perubatan / pergigian yang layak berdaftar untuk meneruskan latihan kepakaran</li> <li>• Lantikan adalah selama 10 tahun untuk melengkapkan latihan kepakaran serta perwartaan.</li> <li>• Tawaran lantikan ini tertakluk juga kepada pegawai berjaya mendapat tempat dan melengkapkan ijazah sarjana yang dipersetujui</li> <li>• Lantikan akan diperbaharui apabila perwartaan pakar dilengkapkan dengan lantikan sebagai pegawai perubatan pakar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanjutan kontrak kepada kontrak sedia ada</li> <li>• Namun, pegawai kontrak tidak layak untuk cuti belajar bergaji penuh dan hadiah latihan persekutuan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengubah mengenai kelayakan untuk <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ Cuti belajar bergaji penuh</li> <li>◦ Hadiah latihan persekutuan</li> </ul> </li> <li>• Perubahan tersebut diperlukan untuk mengeluarkan syarat lantikan tetap daripada syarat kelayakan.</li> </ul>
<p>Nota</p>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perwartaan sebagai pakar perubahan hanya dapat dilakukan di fasiliti kerajaan</li> <li>• Menerokai kemungkinan untuk kerjasama kerajaan-swasta untuk menaja para pegawai secara gunasama. <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ "Transfer Fee" sepertimana yang dilakukan dalam sektor perbankan.</li> <li>◦ Sunway Contract yang baru diperkenalkan, dapat diperluaskan.</li> </ul> </li> </ul>		

**Disediakan oleh,**

**Dr Kevin Ng Wei Shan**

**Penolong Setiausaha Majlis Bersama Kebangsaan**

**Pengurusan dan Profesional**

**Pengerusi (SCHOMOS)**

**Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)**